

19,498 TUNGGU ORGAN

Pemindahan adalah penyelesaian jangka panjang bagi kebanyakan pesakit dari segi kualiti hidup dan kecekapan kos

Seramai 19,498 pesakit di Malaysia berada dalam senarai menunggu untuk pemindahan organ dan 99.8 peratus daripadanya adalah pesakit buah pinggang peringkat akhir (ESRD) memerlukan organ berkenaan untuk meneruskan kelangsungan hidup lebih berkualiti.

Pemindahan organ adalah satu-satunya penyelesaian jangka panjang bagi kebanyakan pesakit dari segi kualiti hidup dan kecekapan kos. Ini kerana, pesakit ESRD terpaksa menjalani rawatan dialisis yang mahal dan masa yang lama setiap sesi tiga kali seminggu sepanjang hidup mereka sementara menunggu penderma organ.

Malangnya, bilangan pesakit ESRD di negara ini bertambah setiap tahun berpunca daripada amalan gaya hidup tidak sihat terutama pengambilan makanan tidak seimbang sehingga Malaysia diletakkan antara negara paling ramai pesakit buah pinggang di dunia.

Lebih malang, Pusat Sumber Transplan Nasional (NTRC) menyatakan kurang satu peratus rakyat Malaysia yang mendaftar sebagai penderma organ berdasarkan statistik sehingga Julai lalu menyebabkan pusat berkenaan mengalami kekurangan dahsyat organ yang mampu memberi nyawa kedua kepada kebanyakan pesakit dengan kegagalan organ tahap akhir.

Menurut NTRC, organ dan tisu daripada penderma selepas kematian akan dipindahkan kepada pesakit yang sesuai menurut senarai menunggu organ kebangsaan. Wujud senarai menunggu berlainan untuk setiap organ yang boleh didermakan di negara ini.

Pesakit mengalami kegagalan organ tahap akhir akan dimasukkan ke dalam senarai menunggu sekiranya mereka didapati sesuai untuk menjalani pemindahan organ. Malangnya, pada masa kini lebih daripada 17,000 pesakit menunggu untuk menjalani pemindahan organ dan jumlah ini meningkat saban tahun.

Semua organ dan tisu yang didermakan akan diagihkan secara adil dan telus berdasarkan kriteria ditetapkan iaitu kesesuaian penderma dan penerima melalui kumpulan darah dan saiz tubuh badan, keutamaan berdasarkan status klinikal semasa, tempoh dalam se-

Pendermaan Organ Semasa Hidup



Hanya salah satu



dan sebahagian



sahaja yang boleh didermakan

Kepada Ahli Keluarga :

"FIRST DEGREE"

Ibu, Bapa
Anak perempuan, Anak lelaki
Kandung, Adik

"SECOND DEGREE"

Makluk, Anak
Cucu perempuan, Cucu lelaki
Ibu saudara, Bapa saudara
Anak saudara perempuan, Anak saudara lelaki
Kakak, Adik

* Pendermaan di antara mereka yang tiada pertalian keluarga perlu merujuk kepada UTAC (Unrelated Transplant Approval Committee)

Sumber: Pusat Sumber Transplan Nasional | www.dermaorgan.gov.my | 1800-88-9080

Adakah Anda Wajib Mendermakan Organ



Selepas mendaftar sebagai pengikrar?

Tidak. Pendaftaran sebagai pengikrar adalah bertujuan menzahirkan hasrat untuk mendermakan organ selepas kematian.

Kemungkinan untuk pendermaan berlaku bergantung kepada beberapa aspek seperti status kesihatan penderma, kesesuaian organ, keizinan keluarga dan lain-lain.

Lebih info di: www.dermaorgan.gov.my



narai menunggu, kes khusus seperti keadaan pesakit mempunyai antibodi darah yang tinggi dan faktor logistik serta kewujudan penyakit komorbid lain.

Seseorang pesakit menunggu organ mempunyai hak menolak organ atau tisu yang diagihkan melalui sistem agihan organ kebangsaan. Pesakit terabit akan dikeluarkan daripada senarai menunggu kecuali dalam keadaan tertentu dan perlu memohon semula untuk dimasukkan kembali ke dalam senarai.


Sehubungan itu, bagi membantu usaha mening-

katkan kesedaran mengenai penyakit buah pinggang dan menggalakkan pendermaan organ, Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) dengan sokongan Sunway Group melancarkan Unit Promosi Pendermaan Organ NKF di pusat beli-belah Sunway Pyramid, Subang Jaya, Selangor baru-baru ini.

Unit berkenaan adalah premis pertama yang dibuka di pusat beli-belah di negara ini dan akan menempatkan pakar penjagaan kesihatan dari Jabatan Pendidikan Awam NKF secara sepenuh masa bagi memudahkan penyampaian maklumat peminda-



RAZMAN memotong riben sebagai simbolik perasmian Unit Promosi Pendermaan Organ NKF di pusat beli-belah Sunway Pyramid, diperhatikan Dr Thiruventhiran.



UNIT Promosi Pendermaan Organ NKF di Sunway Pyramid membantu pengunjung mendapatkan maklumat mengenai pendermaan organ.

han organ serta mengurus pengunjung pusat beli-belah itu yang berminat untuk mendaftar sebagai penderma organ.

Naib Pengerusi NKF, Dr Thiruventhiran Thilagnathan berkata bagi kebanyakan pesakit kegagalan organ tahap akhir, pendermaan organ peluang terakhir mereka untuk hidup, malangnya ketersediaan terhad penderma organ dan salah faham mengenai pendermaan organ menyebabkan usaha mendapatkan penderma sesuai adalah sukar.

"Unit pendermaan organ ini adalah tambahan terbaru kepada usaha berterusan

NKF menyokong pengesanan awal dan pencegahan penyakit buah pinggang kronik. Kempen pendermaan organ yang disokong Sunway Group sejak awal tahun ini, NKF menerima sebanyak 1,033 ikrar sebagai penderma daripada orang awam.

"Oleh itu, kami sangat bersyukur kepada Sunway Group atas sumbangan tidak ternilai ini yang membolehkan kami meneruskan usaha yang menumpukan keperluan segera pemindahan organ," katanya ketika berucap di majlis pelancaran.

Pelancaran unit promosi itu disempurnakan

Timbalan Pengerusi Sunway Group, Tan Sri Razman Hashim. Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif NKF, Chua Hong Wee dan Ketua Unit Perkhidmatan, Transplan, Bahagian Perkembangan Perubatan di Kementerian Kesihatan, Dr Hirman Ismail.

Dana untuk pembukaan Unit Promosi Pendermaan Organ NKF itu diperolehi menerusi makan malam amal NKF yang dianjurkan Sunway Group pada Mei tahun lalu. Sejumlah RM731,760 terkumpul pada acara berkenaan dan digunakan untuk penubuhan unit promosi berkenaan.